



SMK BANDAR PUCHONG JAYA (A)
JLN PIPIT, 47100 PUCHONG, SELANGOR

**PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN
TINGKATAN 4**

**PENDIDIKAN SENI VISUAL
SENI HALUS**

Kertas 2

Tiga jam

1. Kertas soalan ini mengandungi enam soalan.
2. Jawab **satu** soalan sahaja.

Arahan kepada calon

- a) Kertas soalan ini hendaklah dibawa ke tempat peperiksaan pada hari yang ditetapkan. Tulis dengan terang **Nama**, **Tingkatan**, dan **No. soalan** dan ruangan markah di sudut kanan sebelah atas muka hadapan kertas lukisan anda. (lihat gambar rajah di bawah.)

Sudut kanan sebelah atas muka hadapan lukisan anda.

A diagram of a rectangular box representing a student's work area. The box is divided into two sections. The top section is a smaller rectangle with a height of 5 cm, indicated by a vertical double-headed arrow on the left. This section contains four lines of text for student information: NAMA : _____, TINGKATAN : _____, NO. SOALAN : _____, and MARKAH : _____. The bottom section is a larger rectangle with a width of 8 cm, indicated by a horizontal double-headed arrow at the bottom. The entire box is outlined with a thin black border.

- b) Hasil kerja anda hendaklah asli.
- c) Hasil kerja anda hendaklah memenuhi atau hamper memenuhi kertas lukisan kecuali ruang 5cm x 8cm yang ditetapkan.
- d) Anda **tidak boleh menggunakan bahan pengilat atau** syelek pada permukaan hasil kerja yang telah siap.
- e) Anda bebas menggunakan apa jua teknik **kecuali semburan atau 'assemblaj'**. Jika Teknik kolaj digunakan, anda hendaklah menggunakan kertas bewarna atau bahan terbuang yang nipis seperti kulit majalah atau perca kain yang dibawa sendiri.
- f) Hasil kerja anda hendaklah dalam **bentuk 2D** sahaja.

S] *Kertas soalan ini mengandungi 2 halaman bercetak*

Jawab **satu** soalan sahaja.

1. Seorang nenek tua sedang membelai seekor kucing kesayangannya di satu sudut rumah yang agak usang. Gambarkan situasi tersebut dari jarak dekat dengan memberi penekanan kepada bentuk, jalinan dan ruang.
2. Seekor burung dan anak-anaknya berada dalam rimbunan rumput, daun dan ranting kering yang terletak di bawah kayu reput di dalam sebuah hutan. Gambarkan situasi ini dari jarak dekat dengan memberi penekanan kepada aksi, bentuk, jalinan dan ruang.
3. Anda sedang mendaki bukit. Apabila anda memandang ke arah puncak bukit kelihatan sebuah rumah lama yang telah usang dan dikelilingi oleh semak samun. Gambarkan situasi tersebut dengan memberi penekanan kepada bentuk, jalinan dan ruang.
4. Anda sedang duduk berehat di beranda rumah sewaktu hujan, Kelihatan seorang penggembala kambing sedang berpayung menghalau kambingnya untuk masuk ke kandang. Gambarkan situasi ini dari jarak dekat dengan memberi penekanan kepada suasana, bentuk, ruang dan jalinan.
5. Seekor raksasa muncul di permukaan air dan menghasilkan percikan air serta ombak besar sehingga menyebabkan sampan terbalik. Gambarkan situasi ini dengan memberi penekanan kepada ruang, jalinan dan aksi raksasa tersebut.
6. Di atas sebuah meja terdapat beberapa ketul kuih pelbagai jenis di dalam pinggan, sebuah jug berisi air dan gelas minuman untuk sarapan pagi. Gambarkan situasi ini dari jarak dekat dengan memberi penekanan kepada bentuk, jalinan dan ruang

-KERTAS SOALAN TAMAT-

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

(HISHAMUDDIN MOHAMED)

(NOREMIRAWATI AHMAD)

Guru Mata Pelajaran PSV

Ketua Panitia P.Seni Visual

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

(WAHEEDA BANO BT MAZoor HUSSAIN)
GKMP Kemanusiaan

